



# BAHAN BUANGAN

## INFO RINGKAS

### Pengurusan Bahan Buangan

- 1 Bahan buangan ialah bahan yang tidak diperlukan dan tidak mahu disimpan lagi.
- 2 Bahan buangan boleh dikategorikan mengikut jenis-jenisnya.
 

(a) Kaca	(e) Plastik
(b) Logam	(f) Sisa makanan
(c) Kertas	(g) Sisa toksik
(d) Tinja	

### Bahan Buangan Terbiodegradasi dan Bahan Buangan Tidak Terbiodegradasi

- 1 Bahan buangan terbiodegradasi ialah bahan yang boleh diuraikan oleh mikroorganisma seperti bakteria dan fungi.
- 2 Jenis bahan buangan terbiodegradasi:
 

(a) Sisa makanan	(c) Daun kering
(b) Kertas dan kotak	(d) Tinja
- 3 Bahan buangan tidak terbiodegradasi ialah bahan yang tidak boleh diuraikan oleh mikroorganisma.
- 4 Jenis bahan buangan tidak terbiodegradasi:
 

(a) Plastik	(c) Kaca
(b) Logam	(d) Sisa toksik

### Penggunaan Bahan Terbiodegradasi dan Bahan Tidak Terbiodegradasi

Kesan jika bahan terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi tidak digunakan secara berhemah:

- Pencemaran alam sekitar akan berlaku
- Hidupan akuatik akan mati
- Hidupan laut akan mati
- Laluan longkang akan tersumbat dan menyebabkan banjir kilat
- Pembuangan sisa toksik menyebabkan nyawa manusia terancam

### Pengurusan Bahan Buangan Secara Terancang

- Bahan buangan hendaklah dibungkus dan diikat dengan kemas sebelum dibuang
- Sisa makanan boleh dijadikan baja kompos
- Gunakan bekas khas untuk membuang sisa minyak
- Asingkan bahan buangan mengikut jenis bahan
- Dermakan bahan buangan yang masih elok dan berfungsi kepada yang memerlukan
- Gunakan semula bahan buangan dan pelbagaikan kegunaannya
- Kitar semula bahan buangan menjadi produk yang baharu
- Alatan yang rosak boleh dibaik pulih
- Gunakan beg guna semula